



Ruj. Kami : LPHP 700-9/1/7 JLD 13 ( 13 )  
Tarikh : 31 Julai 2023

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

**PEMAKLUMAN BERKAITAN PENDAFTARAN PEMAJU PERUMAHAN DENGAN LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH NEGERI PERAK SEMASA PERMOHONAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN DAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN DIKEMUKAKAN KEPADA JABATAN PERUMAHAN NEGARA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa semua pemaju perumahan di Negeri Perak diingatkan supaya mematuhi peraturan berkaitan ketetapan keatas pemaju untuk mendapatkan surat sokongan Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Perak semasa permohonan Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan.

3. Ini selaras dengan bahagian 4.7 Dasar Perumahan Negeri Perak 2019 seperti berikut :

**4.7 Pendaftaran Pemaju Perumahan dengan Lembaga Perumahan Negeri Perak semasa permohonan Permit Pengiklanan dan Lesen Pemajuan dikemukakan kepada Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan.**

4.7.1 Bagi mengawal pemajuan dan data Perumahan Negeri, semua pembangunan skim perumahan baru di Negeri Perak diwajibkan berdaftar dan berbincang dengan pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Perak sebelum sesuatu permohonan pelan pemajuan dibuat kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Bagi permohonan yang telah mendapat kelulusan pelan-pelan pemajuan hendaklah juga berbuat demikian sebelum memohon Permit Pengiklanan dan Lesen Pemaju daripada pihak Jabatan Perumahan Negara.

...2/-

- 4.7.2 Pihak pemaju juga dikehendaki mengemukakan sesalinan dokumen permohonan untuk mendapatkan Permit Pengiklanan dan Lesen Pemaju kepada pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Perak.
- 4.7.3 Pihak Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan akan merujuk Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Perak sebelum menimbang permohonan Permit Pengiklanan dan Lesen Pemaju tanpa mengira tarikh kelulusan Kebenaran Merancang sesuatu pemajuan.

4. Pemakaian ke atas pemakluman ini adalah berkuatkuasa serta merta bermula daripada tarikh surat ini dikeluarkan.

5. Sehubungan dengan itu, kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan terhadap perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHAMED AKMAL BIN DAHALAN, P.M.P)**

Ketua Pegawai Eksekutif

Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak

Mar/APDL/2023

**“PERAK SEJAHTERA 2030”**